



Mahathir tiba ke majlis sesi autograf buku.

SINAR HARIAN 24 DEC 2008

SELAMA 22 tahun Tun Mahathir Mohamad bergelar Perdana Menteri, jasanya masih lagi dikenang rakyat. Tanggal 31 Okt 2003 menjadi sejarah dalam negara apabila pemimpin kesayangan rakyat mengakhiri zaman pemerintahannya.

Namun 'suara pemimpin' Mahathir masih dapat dirasakan, bergema dan bernyawa melalui blognya iaitu www.chedet.com. Beliau sebagai blogger mengajak pembaca untuk mendengar suara dan mata hatinya melalui artikel pertama bertajuk 'The Appointment of Judges' di laman blognya bermula pada 1 Mei 2008.


Rentetan daripada penulisan blog tersebut, sehingga kini bilangan pembacanya mencapai lebih 10.6 juta. Kini penulisan Mahathir tersebut dibukukan dan dinamakan sebagai [chedet.com](http://www.chedet.com) - BLOG Merentas Halangan di bawah terbitan Berita Publishing Sdn Bhd.

Buku tersebut merupakan himpunan artikel pilihan dalam blog Mahathir sejak awal penulisan. Blog tersebut bertumpu kepada menyampaikan pemikiran dan pendapat beliau. Pembaca juga berpeluang berkongsi pendapat bersama Mahathir melalui blog tersebut. Antara artikel yang dimuatkan dalam buku itu berkaitan Badan Kehakiman, Barisan Nasional, UMNO, pentadbiran dan kepimpinan.

Pada 18 Dis 2008, satu sesi autograf buku [chedet.com](http://www.chedet.com) - BLOG Merentas Halangan dan Mahathir Mohamad: An Illustrated Biography, anjuran Berita Publishing dengan kerjasama MPH Bookstores di Mid Valley, Bangsar.

Ketua Pegawai Eksekutif

Peluang dekati Mahathir di sesi autograf buku chedet.com



Peminat kecil tidak melepaskan peluang mendapatkan tandatangan Mahathir.

Kumpulan MPH Datuk Ng Tieh Chuan berkata, tujuan penganjuran sesi autograf seumpama itu untuk mengetengahkan penulis tempatan bersama masyarakat. Ia juga sejajar dengan tanggungjawab sosial korporat MPH.

Mahathir menyatakan menjadi seorang blogger memberi kebebasan kepadanya untuk menulis dan menyuarakan pendapat kerana tulisannya itu dipaparkan sepenuhnya, selain cepat dan meluas penerimaan pembaca.

Buku Mahathir Mohamad: An Illustrated Biography terbitan MPH Group Publishing berkisar kisah hidup Mahathir oleh kartunis E.Yu, bermula dari kelahirannya hingga persaraannya sebagai Perdana Menteri ke-empat.

Suasana di MPH ketika itu

begitu sesak dengan deretan pembaca mengusung salah satu buku untuk ditandatangani sebagai tanda kenang-kenangan daripada bekas pemimpin negara kesayangan mereka. Tanpa mengira usia dan latar belakang diri, masing-masing mengambil giliran berjumpa dengan Mahathir. Seramai 100 pembeli buku pertama diberi peluang secara eksklusif mendapatkan tandatangan daripada Mahathir. Sesi soal jawab turut diadakan antara pembaca dan penulis.

Antara tetamu yang turut hadir pada majlis tersebut Pengerusi Berita Publishing Sdn Bhd, Datuk Mohd Bisharuddin Mohd Noor Basha, Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn Bhd, Datuk A Kadir Jasin dan Pengarah Kumpulan MPH, Datuk Dr. Abdullah Abdul Rahman dan